

KEKANGAN PELAJAR ASING DALAM MENGGUNAKAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA MELAYU (*Constraints For Foreign Students In Using Malay Language Oral Skills*)

SITI SANIAH ABU BAKAR
saniah@fbk.upsi.edu.my
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK: Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kekangan yang menghalang pelajar asing untuk bertutur dalam Bahasa Melayu. Data diperoleh berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 10 orang responden yang terdiri daripada pensyarah di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Data dianalisis berdasarkan kaedah kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan kekangan yang menghalang pelajar asing untuk bertutur dalam Bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada faktor pelajar, tenaga pengajar, program latihan dan persekitaran. Kekangan yang dihadapi oleh pelajar asing ini memerlukan teknik dan kaedah susulan daripada tenaga pengajar sendiri dalam usaha menangani setiap kekangan yang dihadapi oleh pelajar.

Kata kunci: kemahiran bertutur, Bahasa Melayu sebagai bahasa asing, kekangan, pelajar asing

ABSTRACT: This study was conducted to identify constraints that prevent foreign students to converse in Malay. Data obtained were based on interviews conducted on 10 respondents consisting of lecturers in public and private institutions of higher education. Data were analyzed based on qualitative methods. The result shows the constraints that prevent foreign students to converse in Malay which can be divided into factors of the students themselves, instructors, training programs and the environment. Constraints faced by foreign students require techniques and methods from instructors in order to overcome the constraints faced by each student.

Key words: speaking skill, Malay language as a foreign language, constraints, foreign students

PENGENALAN

Mata pelajaran Bahasa Melayu telah diperkenalkan kepada pelajar asing di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Mata pelajaran ini dikenali dengan pelbagai nama, bergantung kepada institusi masing-masing seperti Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing, Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa, Bahasa Melayu Asas atau Bahasa Kebangsaan B. Sukatan pelajaran untuk mata pelajaran ini menekankan pada komunikasi dengan menggunakan bahasa yang mudah dalam lisan dan penulisan. Matlamat mata pelajaran ini adalah untuk membolehkan pelajar asing menguasai kemahiran asas berbahasa Melayu supaya mereka dapat menjalani kehidupan sosial di Malaysia dengan lebih baik. Agensi Kelayakan Malaysia atau *Malaysia Qualifications Agencies* (MQA) telah menggariskan hasil pembelajaran yang perlu dicapai dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan yang dikhususkan kepada pelajar asing seperti berikut:

1. Mengetahui sistem bunyi, sistem ejaan rumi, kosa kata dan tatabahasa Melayu.
2. Boleh mendengar dan memahami pertuturan dalam pelbagai situasi harian.
3. Boleh bertutur dalam pelbagai situasi harian.
4. Boleh membaca dan memahami bahan-bahan bacaan yang mudah; dan
5. Boleh melahirkan idea dan perasaan secara lisan dan tulisan.

(Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan, MQA 2005:11)

Melalui matlamat hasil pembelajaran dan sukatan pelajaran ini, didapati bahawa kemahiran bertutur merupakan salah satu kemahiran yang dititikberatkan. Di samping itu, pelajar asing ini juga diharapkan dapat bertutur dengan cara yang mudah untuk berinteraksi serta menyesuaikan diri dengan masyarakat dan budaya di Malaysia dengan sebaiknya. Dapat dikatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan salah satu elemen kemahiran berbahasa Melayu yang perlu ditekankan dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk pelajar asing. Memandangkan akan pentingnya kemahiran bertutur, maka kajian ini dijalankan untuk meninjau apakah kekangan pelajar asing yang sedang belajar di IPT di Malaysia untuk bertutur dalam bahasa Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Melalui kajian yang dijalankan oleh Fa'izah, Zamri dan Mohamed Amin (2009), mendapati bahawa pelajar luar negara yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing masih tidak dapat menguasai kemahiran bahasa Melayu dengan baik. Kemahiran bahasa Melayu tersebut meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Keadaan ini harus ditangani segera memandangkan ramai pelajar asing yang datang untuk menuntut ilmu dalam pelbagai peringkat pengajian di Malaysia.

Jadual 1: Enrolmen pelajar antarabangsa di IPTA mengikut negara asal pada 2010-2011

Negara Asal	2010	2011	Negara Asal	2010	2011
Iran	4814	5948	Bangladesh	538	621
Indonesia	3769	3763	Singapore	543	551
China	2168	2122	Jordan	573	535
Yamen	1809	1839	Pakistan	297	497
Iraq	1255	1329	India	349	495
Nigeria	737	948	Palestin	369	433
Libya	1125	856	Brunei	157	172
Thailand	786	717	Algeria	156	169
Somalia	739	689	Oman	140	155
Sudan	596	631	Lain-lain Negara	3294	2797
Jumlah				24214	25267

Berdasarkan Jadual 1 dan 2 berikut, menunjukkan bahawa berlaku peningkatan sebanyak 4.17% dalam enrolmen pelajar asing ke IPTA iaitu 24214 pada tahun 2010 dan seramai 25267 pada tahun 2011. Walaupun dapat dilihat bahawa berlaku penurunan sebanyak 27.84% enrolmen pelajar antarabangsa di IPTS, iaitu 62705 pada tahun 2010 dan 45 246 pada tahun 2011, namun jumlah tersebut tidak boleh dipandang mudah kerana jumlah pelajar seramai 70513 orang (berdasarkan enrolmen pelajar IPTA dan IPTS pada tahun 2011) merupakan duta-duta kecil yang akan bergerak ke serata dunia dalam memperkenalkan bahasa dan budaya Melayu setelah mereka tamat belajar di sini.

Jadual 2: Enrolmen pelajar antarabangsa di IPTS mengikut negara asal pada 2010-2011

Negara Asal	2010	2011	Negara Asal	2010	2011
Indonesia	5963	4806	India	974	793
Nigeria	4274	4684	Saudi Arabia	1574	847
Yamen	3472	1713	Maldives	1154	864
Bangladesh	1481	1702	Sri Lanka	1009	734
United Kingdom	101	1530	Korea	1409	641
Sudan	2132	1460	Tanzania	745	542
Pakistan	1462	1346	Somalia	726	526
Botswana	1724	970	Zimbabwe	648	510
Kazakhstan	1209	829	Iraq	533	497
			Lain-lain Negara	18155	11537
			Jumlah	62705	45246

Memandangkan Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan (B) yang dikeluarkan oleh pihak MQA menumpukan kepada kemahiran komunikasi sehari-hari, maka kajian ini dijalankan dengan memberi tumpuan sepenuhnya pada kemahiran tersebut. Kemahiran bertutur atau lisan merupakan satu kemahiran yang paling asas dan utama dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa. Kemahiran ini harus dikuasai pelajar terlebih dahulu sebelum mereka dapat meneruskan pembelajaran mereka untuk menguasai kemahiran-kemahiran lain.

Menurut Kamarudin (1999), kepentingan lisan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa amat disedari oleh semua pihak tetapi tidak ramai daripada guru-guru yang mahu menerima hakikat ini. Menurut beliau lagi, di sekolah, pengajaran lisan sering diabaikan dan kadangkala tidak diberi perhatian langsung. Hal ini turut diakui oleh Chew dan Abdul Jalil (2008) yang menyatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan bahagian yang paling kerap diabaikan berbanding dengan kemahiran-kemahiran yang lain walaupun kemahiran bertutur merupakan unsur komunikasi tertua, terpenting dan paling kerap digunakan.

Bailey (2005) menyatakan ramai yang mempelajari sesuatu bahasa merasakan kemahiran bertutur dalam bahasa yang dipelajari mereka lebih sukar berbanding kemahiran-kemahiran lain. Kesulitan ini disebabkan pertuturan berlaku dalam masa yang sebenar. Semasa bertutur, seseorang tidak boleh menyunting atau mengulang balik apa-apa yang dituturkannya (Zawawi, Ab Halim, Nik Mohd Rahimi & Mohd Ala-Uddin 2011). Manakala Brown (2001), menyifatkan kemahiran bertutur sebagai tanda aras kejayaan penguasaan sesuatu bahasa. Oleh itu, masalah yang dihadapi oleh para pelajar asing dalam kemahiran ini perlu diamati dan didalami supaya kemahiran bertutur yang menjadi kemahiran utama dalam interaksi antara manusia ini dapat ditangani segera.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di Malaysia. Manakala tujuan khusus dalam kajian ini ialah mengamati masalah yang dihadapi oleh para pelajar asing ini untuk bertutur dalam Bahasa Melayu.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan instrumen temu bual bagi mengumpulkan data. Satu daripada instrumen yang mempunyai kaitan dengan kaedah kualitatif ini ialah teknik temu bual. Patton (1980) menyatakan terdapat tiga jenis teknik temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal, dan temu bual terbuka. Meriam (1998) juga menyatakan terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur, dan temu bual tidak berstruktur.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan temu bual secara terbuka dan separa berstruktur kerana penyelidikan ini bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa-apa yang difikirkan sesuai kepada penyelidik. Teknik temu bual dalam kajian ini melibatkan pensyarah IPTA dan IPTS dengan menggunakan log temu bual yang disediakan sebelum memulakan sesi rakaman temu bual. Hasil temu bual akan dianalisis untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai masalah para pelajar asing dalam bertutur yang para responden dapat kesan sepanjang sesi P&P mereka.

Temu bual dirakam dengan menggunakan MP3. Sesi temu bual tersebut berpandukan log temu bual yang telah disediakan terlebih dahulu sebagai rujukan kepada pengkaji untuk melaksanakan temu bual bersama responden tersebut. Rakaman itu kemudiannya diberikan kod, diletakkan tarikh dan ditranskripsikan secara verbatim. Abjad R mewakili responden manakala nombor 1, 2, 3 hingga 10 yang ditandai selepas abjad R merujuk kepada responden pertama, kedua dan seterusnya. Sebelum transkrip itu dianalisis, proses kesahan dilakukan oleh responden temu bual bagi mendapatkan persetujuan mereka terhadap kandungan transkripsi itu terlebih dahulu. Selepas itu, data tersebut dianalisis secara manual bagi mewujudkan tema-tema yang berkaitan.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 10 responden, terdapat pelbagai masalah yang menghalang pelajar asing untuk bertutur dalam Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 11 faktor yang dapat disenaraikan iaitu sikap, perasaan malu, tiada motivasi, gangguan bahasa ibunda, faktor budaya, faktor umur, masalah sebutan, tenaga pengajar, masa, kekurangan latihan, dan situasi persekitaran. Daripada kesebelas-sebelas faktor ini dapat dikategorikan kepada yang lebih khusus iaitu faktor pelajar, pengajar, program latihan dan persekitaran.

Pelajar

Faktor pertama terdiri daripada faktor pelajar iaitu sikap, perasaan malu, tiada motivasi, gangguan bahasa ibunda, faktor budaya, faktor umur dan masalah sebutan. Salah satu kekangan yang dihadapi seperti yang dinyatakan oleh responden adalah sikap pelajar sendiri. Sikap pelajar yang hanya bergaul dengan kelompok mereka sahaja menyebabkan mereka merasakan, mereka tidak perlu untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu. Seperti yang dinyatakan oleh R1 berikut:

“Sebab saya tengok sikap mereka, mereka lebih seronok untuk bergabung dengan masyarakat mereka sendiri. Kalau pelajar antarabangsa tu Arab Saudi, Arab Saudi sahaja. Kalau Yemen, Yemen...dia nak yang macam tu saja...orang yang dengan dia. Dia tak nak campur dengan pelajar *local*. Jadi bila pelajar *local* tak campur, jadi tu masalah dia tak guna bahasa Melayu. Bila dia tak dapat guna bahasa Melayu, dia kata... Oh, orang tak nak cakap dengan dia la...apa la...dan sebagainya. Dia malas. Pelajar rajin memang bagus. Saya *respect* ada satu pelajar yang kadang-kadang *chat* saya di *facebook*. Saya galakkan mereka bercakap dengan saya di *facebook* dan cara yang saya nak galakkan mereka bercakap, tiap kali mereka berjumpa dengan saya, mesti cakap, selamat petang xxx, apa khabar?.”(R1)

Pergaulan dengan masyarakat penutur jati amat penting bagi membolehkan individu memahirkan diri untuk bertutur dalam sesuatu bahasa. Sepatutnya percampuran antara pelajar asing

dengan pelajar tempatan yang berpengalaman bertutur dalam Bahasa Melayu akan mendatangkan faedah kepada pelajar asing itu sendiri. Percampuran ini sepatutnya memberi kesan positif seperti yang dinyatakan oleh Holmes (2003) dalam kajiannya terhadap kerja berpasangan di universiti di Malaysia. Beliau berpendapat bahawa kerja berpasangan antara pelajar yang berpengalaman dengan pelajar yang tiada pengalaman akan menghasilkan kesan positif. Dalam konteks kajian ini pula, interaksi antara pelajar asing yang tiada pengalaman bertutur dalam bahasa Melayu dengan penutur natif bahasa Melayu akan memberi faedah kepada pelajar asing itu sendiri. Selain itu, sikap mereka yang tidak mahu mempelajari Bahasa Melayu itu sendiri membuatkan mereka pasif di dalam kelas. R8 turut menyatakan bahawa pelajar asing ini hanya datang ke kelas dan setelah pulang mereka tidak menggunakan pengajaran ini di luar kelas seperti berikut:

“Lagi satu saya tengok masalah di sini ialah sikap pelajar. Ada pelajar yang betul-betul berminat bercakap bahasa Melayu. Mereka bercakap bahasa Melayu dengan baik. Mereka boleh sebab mereka ada sikap nak mempelajari, nak mengetahui. Dalam kelas pun saya tengok sikap pelajar yang ambil endah tak endah je. Sikap pelajar tu sendiri. Dia hanya datang ke kelas, belajar dan balik. Dia tak guna pembelajaran tu di luar kelas. Tak kan. Sikap pelajar tu sendiri.” (R8)

Dapatan kajian juga mendapati, pelajar asing ini dibelenggu dengan sikap malu, terutamanya apabila ada pelajar yang lebih hebat daripada mereka di dalam kelas yang sama. Contohnya pelajar Sarjana akan berasa rendah diri dengan pelajar PhD. Pelajar sepatutnya bersaing sesama mereka untuk mendapatkan gred yang baik dan kejayaan rakan itu boleh dijadikan perangsang untuk mereka sama-sama mencipta kejayaan (Burke 2007; Holmes 2003; Yoshida 2008). Kelemahan ini membawa kepada rasa tidak yakin untuk bertutur serta rasa rendah diri apabila membandingkan diri mereka dengan rakan yang lain. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Alkusaairy (1998) yang bertajuk Pendekatan komunikatif bagi Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing yang mendapati bahawa sikap seperti ini membawa implikasi negatif kepada pelajar.

Motivasi juga merupakan salah satu kekangan yang dihadapi oleh pelajar asing untuk bertutur dalam Bahasa Melayu. Menurut Maimunah dan Norizah (2003) dalam Atiah dan Ramlah (2003), motivasi merupakan faktor pendorong untuk seseorang belajar sesuatu bahasa. Hal ini demikian kerana, kejayaan pembelajaran bahasa asing juga ditentukan oleh motivasi. Namun begitu, didapati bahawa, mereka tiada motivasi untuk belajar seperti yang boleh dilihat oleh responden kajian sebagai pensyarah yang dinyatakan seperti berikut:

“...tiada *motivation*. Bila nampak giliran dah nak sampai (untuk pembentangan) mereka keluar. Kadang-kadang saya marah juga. (R2)”

Seterusnya, kekangan yang dikenal pasti melalui kajian yang dibuat adalah perasaan malu pelajar sendiri untuk bertutur dalam Bahasa Melayu. Perasaan malu yang ada dalam diri mendorong mereka untuk berasa rendah diri dan takut untuk bertutur dalam kalangan penutur natif yang sudah berpengalaman dengan Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Ghazali, Nik Mohd Rahimi dan Parilah (2010) tentang sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pelajar yang tiada asas dalam Bahasa Arab atau tiada pengalaman berasa malu dan rendah diri untuk bertutur di hadapan pelajar yang sudah mempunyai asas dalam Bahasa Arab. Dapat dibandingkan, perasaan malu juga yang wujud dalam diri pelajar asing untuk bertutur dengan pelajar yang sudah pandai berbahasa Melayu.

Faktor gangguan bahasa ibunda juga didapati sebagai salah satu kekangan yang dihadapi oleh penutur asing untuk bertutur dalam Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dilakukan terhadap murid-murid orang asli terhadap literasi Bahasa Melayu. Abdull Sukor, Nuraini, Mohd Izam dan Mohd Hasani (2011) mendapati bahawa murid-murid Orang Asli sering menghadapi gangguan bahasa ibunda dalam pertuturan mereka. Dapatan kajian ini juga bertepatan

dengan pendapat Maimunah dan Faridah (2003) yang mengatakan bahawa sekiranya aksara yang digunakan dalam bahasa asing itu sama dengan bahasa ibunda pelajar, maka mereka akan lebih cepat menguasainya.

Di samping itu, faktor budaya juga menjadi kekangan dalam pertuturan Bahasa Melayu bagi penutur asing. budaya yang dirujuk pengkaji adalah budaya pembelajaran pelajar. Hal ini demikian kerana menurut komen responden, budaya pelajar berbeza-beza. Contohnya, pelajar Bangladesh mudah untuk menguasai Bahasa Melayu manakala pelajar dari Asia Barat tidak mahu bertutur dalam Bahasa Melayu. Mereka lebih mudah untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris seperti yang dinyatakan oleh R8 berikut:

“...faktor budaya. Sebab di sini saya tengok macam pelajar Bangladesh mereka boleh menguasai bahasa Melayu tu dengan cepat. Tak mustahil kalau lihat di luar sana, dia kerja kat stesen pam minyak ...boleh bercakap bahasa Melayu. Di sini situasi yang sama. Tapi kalau budak Asia Barat, dari Palestin, Iran, dia ada sifat yang tak nak bersungguh-sungguh belajar. Bagi mereka bahasa Arab tu lagi penting. Bahasa Inggeris. Dari pengalaman, Asia Barat ni agak susah mereka nak belajar bahasa Melayu. Faktor budaya mereka. Tapi kalau tengok pelajar India, cepat dia mempelajarinya.” (R8)

Sememangnya budaya pembelajaran mempengaruhi cara pembelajaran pelajar. Dapatan ini selari dengan dapatan Abdull Sukor, Nuraini, Mohd Izam dan Mohd Hasani (2011) yang menyatakan faktor budaya pembelajaran merupakan salah satu masalah dalam literasi Bahasa Melayu dalam kalangan murid Orang Asli di Kampung Terisu, Cameron Highland, Pahang. Murid-murid Orang Asli mempunyai budaya yang kurang kuat dalam pembelajaran. Pembelajaran hanya berlaku di sekolah sahaja.

Kekangan yang seterusnya yang diperoleh melalui kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan faktor umur. Dapatan ini bertepatan dengan pendapat Maimunah dan Faridah (2003) dalam Atiah dan Ramlah (2003) yang mengatakan salah satu daripada ciri pelajar asing yang boleh menjayakan P&P bahasa adalah umur mereka sendiri. Namun, menurut beliau faktor umur yang sudah melebihi 20-an akan memudahkan proses P&P kerana mereka sudah boleh berfikir akan tujuan mempelajari bahasa tersebut. Menurut responden yang ditemu bual pula, faktor umur juga menyebabkan pelajar susah untuk menyebutkan bunyi yang tidak ada dalam bahasa mereka sendiri. Kesulitan membunyikan perkataan bahasa asing ini dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka sendiri. Awang (2011) menyatakan bahawa pelajar asing dari China sukar menuturkan sesetengah bunyi yang ada dalam sistem Bahasa Melayu contohnya bunyi getaran /r/, perbezaan bunyi antara /b/ dengan /p/ dan sebagainya. Oleh itu, pengajaran kemahiran bertutur menjadi semakin sukar kerana sulit untuk memahami perkataan yang dituturkan serta mereka sendiri takut untuk membuat kesilapan.

Dapatan kajian juga mendapati masalah sebutan juga menjadi kekangan untuk pelajar asing bertutur dalam Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai masalah untuk menyebut perkataan dalam Bahasa Melayu akibat daripada pengaruh bahasa ibunda mereka sendiri. Dalam kajian yang dijalankan oleh Awang (2011), beliau mendapati bahawa di Republik China, masalah timbul oleh sebab pelajar dipengaruhi oleh bahasa kebangsaan mereka, iaitu Bahasa Mandarin yang memang berlainan dengan Bahasa Melayu, baik aspek fonologinya mahupun aspek tatabahasanya. Hal ini dapat dijelaskan melalui petikan berikut:

“Dalam aspek fonologi, pelajar asing China memang mengalami kesukaran besar untuk mengucapkan bunyi (r) kerana bunyi itu amat minimum wujudnya dalam bahasa mereka dan yang minimum itupun lain fiturnya daripada segi fonetik dengan fitur bunyi getaran dalam bahasa Melayu. Demikian juga, perbezaan antara /d/ dengan /t/, antara /b/ dengan /p/ dan antara /c/ dengan /j/ dan /z/, dalam konteks binaan kata tertentu menimbulkan kesulitan kepada mereka. Kesukaran itu terpancar dalam pengejaan kata-kata tertentu.

Pengajar

Faktor kedua yang diperoleh dalam dapatan kajian ini ialah faktor pengajar. Dapatan menunjukkan bahawa tenaga pengajar juga menjadi kekangan untuk pelajar bertutur dalam Bahasa Melayu. Tenaga pengajar perlulah bijak merangka aktiviti yang menarik minat pelajar. Pensyarah yang pandai menarik perhatian pelajar akan berupaya mewujudkan suasana pengajaran yang baik. Hal ini demikian terbukti melalui dapatan kajian oleh Ahmad Johari dan Siti Asfarina (2010) tentang keutamaan ciri pengajaran pensyarah yang baik daripada persepsi pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Selain itu, dapatan kajian Siti Saniah (2012) juga mendapati cara penyampaian pensyarah merupakan faktor pendorong pelajar untuk menguasai subjek yang diajar.

Program Latihan

Faktor ketiga yang menjadi kekangan kepada pelajar asing ini untuk bertutur dalam bahasa Melayu ialah faktor program latihan. Dapatan kajian ini mendapati peruntukan masa atau waktu P&P yang telah ditetapkan oleh sesuatu program di universiti merupakan faktor yang menghalang pelajar asing untuk bertutur dalam Bahasa Melayu. Masa pengajaran Bahasa Melayu di universiti dikatakan terlalu singkat iaitu hanya satu semester. Seperti yang dinyatakan oleh responden:

“Satu lagi yang saya nampak ialah susah nak guna...nak bercakap dalam bahasa Melayu ni sebab kursusnya hanya satu *level* sahaja. Bila mereka dah boleh bercakap dan dapat buat ayat, mereka perlukan lagi satu kelas untuk ni... (R1)”

“Itu yang ada pelajar Phd tadi dia kata kalau dia nak master dalam bahasa Melayu ni, dia kata tak boleh dalam satu kursus sahaja. Dia perlu sekurang-kurangnya dua ataupun 3 kursus yang kita ajar di universiti barulah boleh mampu untuk belajar. Tapi satu semester 14 minggu... (R2)”

Merujuk kepada dapatan ini jelaslah bahawa masa P&P yang singkat menjadi salah satu kekangan kepada pelajar asing untuk bertutur dalam Bahasa Melayu. Dapatan ini menyokong dapatan kajian yang dilakukan oleh Fai'zah, Mohamed Amin dan Zamri (2009) yang turut berpendapat bahawa masa yang singkat itu menyebabkan pelajar menghadapi masalah dan lemah dalam menguasai kemahiran berbahasa. Dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar asing yang belajar Bahasa Melayu di universiti yang terpilih, menghadapi kekangan dari segi latihan. Pelajar ini dikatakan tiada tempat untuk membuat latihan pertuturan. Pelajar ini bergaul dalam kalangan penutur yang tidak menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya. Jadi mereka hanya menggunakan Bahasa Melayu semasa di dalam kelas sahaja tanpa melakukan latihan di luar. Jadi, menjadi satu perkara yang rumit bagi guru menyampaikan bahasa asing kepada pelajar dalam keadaan bilik darjah yang jauh terpisah dari alam penggunaan bahasa itu sendiri. Tenaga pengajar perlu menghidupkan suasana penggunaan bahasa dalam keadaan buatan (Asmah 2003 dalam Atiah & Ramlah 2003). Dalam keadaan ini, program di university harus diatur seperti mengadakan aktiviti inap desa, lawatan, keluarga angkat dan sebagainya untuk menggalakkan dan melatih mereka bertutur dalam bahasa Melayu.

Persekitaran

Faktor yang keempat yang menjadi kekangan kepada pelajar asing ini bertutur dalam bahasa Melayu ialah faktor persekitaran. Persekitaran yang tidak menggunakan Bahasa Melayu menyukarkan pelajar untuk berlatih bertutur dalam Bahasa Melayu. Mereka juga tinggal serta bergaul sesama mereka sahaja jadi, tiada fungsi Bahasa Melayu bagi mereka. Selain itu, pelajar-pelajar asing di universiti yang dipilih tidak menghadapi kesulitan kerana kebanyakan komunikasi persekitaran berlaku dalam bahasa Inggeris walaupun hanya di pasar malam seperti yang dinyatakan oleh R2 dan R6;

“Situasi tu yang saya nak *compare* tu. Dia bila pergi makan, orang tak faham apa yang dia cakap. Dia cuba nak buat macam tu tapi orang gitu saja kan, tak nak lah dia cakap. Di sini langsung tak ada cakap. Kawan dia semua *foreigner* saja. ...*because they communicate* dengan orang-orang pasar tu, semua guna bahasa Inggeris. You pernah pergi pasar sini tak? Dia orang berabuk cakap bahasa Inggeris.” (R2)

“Persekitaran paling banyak mengekang dialah. Di sini kadang dia tak keluar. Sini semua boleh bahasa Inggeris. Pergi ke KLCC pun bahasa Inggeris. Itu sebabnya.” (R6)

Persekitaran memainkan peranan penting dalam pengajaran kemahiran bahasa. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Siti Saniah (2012) yang menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran tidak membantu para pelajar asing untuk mempraktikkan bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu di Malaysia. Malahan, Kalthum (2003) juga berpendapat bahawa proses pembelajaran Bahasa Melayu perlu berlangsung di luar bilik darjah bagi mendedahkan pelajar dengan situasi sebenar pertuturan.

Pengkaji mendapati pelajar asing menghadapi pelbagai kekangan dalam proses mempelajari kemahiran bertutur Bahasa Melayu dan seterusnya bertutur dalam Bahasa Melayu. Terdapat empat faktor yang menjadi kekangan kepada pelajar asing ini untuk bertutur dalam bahasa Melayu iaitu faktor pelajar, pengajar, program latihan dan persekitaran. Kekangan yang dihadapi oleh pelajar asing melalui dapatan kajian ini memerlukan teknik dan kaedah susulan daripada guru sendiri dalam usaha menangani setiap kekangan yang dihadapi oleh pelajar. Menurut Vygotsky (1978), terdapat tiga langkah bagi mengaplikasikan Zon Perkembangan Proksimal iaitu penilaian, penyesuaian sesuatu tugas mengikut tahap perkembangan pelajar dan penyediaan sokongan instruktional. Melalui langkah penilaian, guru haruslah berupaya untuk memahami sesuatu masalah secara realistik. Jadi, setelah masalah dikenal pasti, guru perlulah berusaha untuk mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah tersebut.

KESIMPULAN

Pendidikan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di IPT penting untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perhubungan di Malaysia. Pengajarannya telah pun diwajibkan kepada pelajar asing yang belajar di IPT di Malaysia sejak 1996 lagi, susulan dari lulusnya Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dalam usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu. Namun begitu, umumnya pelajar asing yang mengikuti kursus Bahasa Melayu di IPT berhadapan dengan masalah dan lemah dalam kemahiran bertutur Bahasa Melayu yang dipelajari. Kebanyakan pelajar yang menunjukkan reaksi negatif terhadap pengajaran pensyarah didorong oleh pelbagai faktor atau kekangan. Faktor pelajar sendiri seperti sikap, motivasi, perasaan malu, gangguan bahasa ibunda, budaya, umur dan masalah sebutan. Selain itu, faktor pengajar, faktor program latihan yang terlalu singkat serta faktor persekitaran menjadi kekangan yang menghalang mereka untuk belajar dan bertutur dalam Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusuff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasani Zali.(2011). Kanak-kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: menggapai literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2): 59-70. Diakses daripada [http:// www.journalarticle.ukm.my](http://www.journalarticle.ukm.my) pada 5 Julai 2012.
- Alkusaairy, M.A. (1998). Pendekatan komunikatif bagi pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing. Dlm. Juriah Long (Pnyt.). *Inovasi dalam perkaedahan pengajaran bahasa, sains sosial dan teknologi maklumat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Atiah Mohd. Salleh & Ramlah Muhamad (2003). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Awang Sariyan. (2011). Pendidikan Bahasa Melayu dalam pembentukan jati diri bangsa: Pengajaran seni bahasa untuk penghayatan bahasa kepada pelajar asing. Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur pada 14- 16 Mac 2011.
- Bailey, K.D. (2005). Fifty years of systems science: Further reflection. *Systems Research and Behavioural Science*, 23: 355-300.
- Burke, B.M. (2007). Creating communicative classrooms with experiential design. *Foreign Language Annals*, 40 (3): 441-462.
- Chew Fong Peng & Abdul Jalil Othman (2008). *Pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam bilik darjah di sekolah menengah: Punca, masalah dan kesannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Enrolmen Pelajar Antarabangsa IPTA dan IPTS Mengikut Negara Asal 2010. Diperoleh pada 20 November 2011 daripada http://www.mohe.gov.my/web_statistik/index.htm.
- Fai'zah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2009). Penyelidikan strategi pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar luar negara. Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-4 2009, 259-268.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Parilah Mohd Shah (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *Journal of Language Studiess*, 10 (3): 15-33.
- Holmes, R. (2003). Collaborative projects: A study of paired work in a Malaysian University. *Innovation in Education and Teaching International*, 40 (3): 254-259.
- Kamarudin Husin (1999). *Pengajaran lisan: Kemahiran mendengar dan bertutur*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Luoma, Sari. (2004). *Assessing speaking*. Cambridge: Cambridge University.
- Merriam, S.B. (1994). *Case study research in education: A qualitative approach*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Nunan, D. (1991). *Language teaching methodology*. London: Prentice- Hall.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative research and evaluation methods*. 2nd Edition. Nerburry Park, California: Sage Publication.
- Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu pelajar asing di Malaysia. Dlm. Ardi Yasran, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Raja MASittah Raja Ariffin, Ahmad Yusuff Buyong & Arba'ie Sujud (Editor). *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII (SALPBM)*. Universiti Putra Malaysia, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Saniah Abu Bakar. (2012). *Pandangan pelajar dalam tugas drama yang dijalankan semasa mempelajari Bahasa Melayu*. Dlm. Mahzan Arshad, Idris Mohd Radzi & Naffi Mat. (2012). *Memartabatkan Bahasa Melayu: Pengajaran dan pembelajaran*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan dan mata pelajaran wajib Institusi Pengajian Tinggi Swasta*. Edisi Kedua. (2005). Kuala Lumpur: Lembaga Akreditasi Negara.
- Vygotsky, L.S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge: Harvard University Press.
- Yoshida, R. (2005). The Motivasional effects of the classroom environment in facilitating self-regulated learning. *Journal of Marketing Education*, 27 (1): 25-40.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *Gema Online Journal of Language Studies*, 11: 68-82. Diakses daripada [http:// www.journalarticle.ukm.mypada](http://www.journalarticle.ukm.mypada) 5 Julai 2012.